



22140135



International Baccalaureate®  
Baccalauréat International  
Bachillerato Internacional

**MALAY A: LITERATURE – STANDARD LEVEL – PAPER 1**  
**MALAIS A : LITTÉRATURE – NIVEAU MOYEN – ÉPREUVE 1**  
**MALAYO A: LITERATURA – NIVEL MEDIO – PRUEBA 1**

Friday 9 May 2014 (morning)

Vendredi 9 mai 2014 (matin)

Viernes 9 de mayo de 2014 (mañana)

1 hour 30 minutes / 1 heure 30 minutes / 1 hora 30 minutos

---

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- Do not open this examination paper until instructed to do so.
- Write a guided literary analysis on one passage only. In your answer you must address both of the guiding questions provided.
- The maximum mark for this examination paper is *[20 marks]*.

**INSTRUCTIONS DESTINÉES AUX CANDIDATS**

- N'ouvrez pas cette épreuve avant d'y être autorisé(e).
- Rédigez une analyse littéraire dirigée d'un seul des passages. Les deux questions d'orientation fournies doivent être traitées dans votre réponse.
- Le nombre maximum de points pour cette épreuve d'examen est *[20 points]*.

**INSTRUCCIONES PARA LOS ALUMNOS**

- No abra esta prueba hasta que se lo autoricen.
- Escriba un análisis literario guiado sobre un solo pasaje. Debe abordar las dos preguntas de orientación en su respuesta.
- La puntuación máxima para esta prueba de examen es *[20 puntos]*.

Tulis satu ulasan sastera terarah tentang **satu** petikan sahaja. Jawapan anda mestilah merangkumi kehendak kedua-dua soalan panduan yang diberikan.

### 1.

Seekor kuda tiba-tiba berada di halaman rumah. Meragut rumput yang kebetulan sedang tumbuh subur.

“Bagaimana mungkin ada kuda?” Itulah yang difikirkan Maulud. “Ini bukan negera kuda. Mana mungkin tiba-tiba saja seekor kuda perang bertompok-tompok kehitam-hitaman muncul begitu saja? Kalau kambing, lembu atau kerbau munasabah juga. Ini kuda.”

Maulud menghampiri kuda yang kelihatan jinak sambil cuba untuk membelai-beliai belakangnya, kuda itu seperti membiarkan sahaja elusan persahabatan itu. “Engkau datang saat aku kesunyian setelah sembah daripada sakit yang lama. Engkau adalah sahabatku kini. Aku namakan kau Hidayah.”

Lalu banyaklah orang kampung berdatangan untuk melihat kuda di halaman hidupnya ini. Mereka mengaguminya. Mereka bercakap-cakap tentang kuda yang tiba-tiba muncul itu. Ada yang mengatakan tentulah kuda ini kuda sarkas yang terlepas. “Lihatlah ia nampak begitu jinak.”

15 Memang Maulud tidak menambatnya. Bila-bila masa sahaja dia boleh meninggalkan Hidayah. Tetapi Hidayah tetap di situ, meragut rumput yang subur di halaman rumahnya.

Memang banyak orang yang mencadangkan agar kuda itu ditunggang. “Apa perlunya ada kuda kalau bukan untuk ditunggang,” ujar mereka.

20 “Ayuh, tungganglah!” Begitu cadangan mereka, “Kalau tidak biar kami saja mencubanya.”

Sesuatu yang di luar kehendak Maulud. Memang kuda wujud untuk diperkudakan. Begitukah? Memang manusia ini suka kepada jenis binatang yang boleh ditunggang.

“Biarlah Hidayah di situ!” Maulud tidak menyukai saranan mereka.

25 Satu hari yang lain, datang tuk ketua. Dia beria-ia ingin meminjam Hidayah. Katanya ada tugas penting di kepala bendang sana. Dia ingin menunggang Hidayah.

“Cubalah kalau dia mau,” balas Maulud.

30 Memang Hidayah menolak. Dia tidak mahu ditunggangi. Dia menjatuhkan tuk ketua ke tanah. Hidayah kelihatan tenang, tapi dalam ketenangannya ada keengganannya. Maulud datang menghampiri Hidayah dengan berhati-hati. Lalu Maulud mengusap-usap belakang Hidayah.

“Hidayah,” Maulud cuba memujuk. “Tuk ketua bermaksud baik. Dia cuma ingin pertolongan daripada kamu.”

Hidayah mengangguk, seolah-olah mengerti.

35 Maulud memberi isyarat kepada tuk ketua. Sambil tuk ketua naik ke atas belakang Hidayah, Maulud mengusap-usap leher Hidayah. Hidayah nampaknya merelakan, malah seperti tahu kehendak tuk ketua. Hidayah terus berlari membawa tuk ketua ke destinasinya. Melompat ke batas bendang. Merengkek dan terus berlari.

Apabila Hidayah hilang daripada pandangan, entah mengapa tiba-tiba Maulud berasa seperti kehilangan sesuatu. Hidayah hilang ditelan keluasan tanah bendang. 40 Pandangannya beralih ke arah barisan gunung yang menjadi latar belakang kampungnya. “Di gunung itukah Hidayah berumah?” Fikirnya.

Petang itu tuk ketua pulang dengan penuh kepuasan. Dia memuji-muji Hidayah, malah ingin menunggang Hidayah lagi jika perlu. Maulud tidak memberi apa-apa reaksi, Cuma tersenyum pilu. Bermakna Hidayah akan mula sibuk melayani kehendak orang-orang kampung.

45 Memang benarlah. Sejak hari itu Hidayah sentiasa ditungganggi. Sentiasa dibawa pergi. Sentiasa cuba memenuhi kehendak orang-orang berkeperluan. Bukan sahaja tuk ketua, pak imam juga mempunyai alasan untuk menunggang. Anak-anak kampung lebih-lebih lagi. Mereka merasakan kuda sebagai tunggangan untuk berseronok. Mereka 50 silih berganti untuk menungganginya. Malah kerana kuda seekor itu menimbulkan masalah pula, menimbulkan kontroversi yang menyebabkan kampung terbahagi kepada belahan pendapat. Ada penduduk yang menyatakan kehadiran kuda membawa perpecahan.

55 Tiba-tiba, pada suatu pagi yang basah, halaman kelihatan lengang. Hidayah sudah menghilang. Maulud duduk termenung di tangga. Dia kehilangan Hidayah. Penduduk kampung yang datang menyatakan rasa terkilan atas kehilangan Hidayah. Begitu juga tuk ketua yang datang untuk menunggang Hidayah. Mereka menyalahkan Maulud kerana tidak menambat Hidayah, tidak mengurung Hidayah. Maulud tidak pernah memikirkan cara bagaimana untuk menambat Hidayah.

“Memang, aku tidak perlu menambat Hidayah.” Mahmud berkata.

Shapiai Muhammad Ramly, *Dewan Sastera* (2011)

- (a) Bincangkan tema dan persoalan yang ingin dikemukakan oleh pengarang dalam petikan cerpen di atas.
- (b) Berikan ulasan tentang gaya bahasa dan teknik naratif yang digunakan oleh pengarang.

2.

### Nuansa Melankolia

Sana dan sini tangis  
air mata berjejeran  
anak-anak kecil tidak beribu  
tidak berbapa

- 5 wajah-wajah tidak berdosa terbiar, sepi  
menadah tangan yang mulus  
menanti sesuap nasi  
buat santapan jiwa yang kosong.

Aku terus terkesima

- 10 walau jiwa meronta untuk dilepaskan  
agar dapat kudakap anak-anak kecil itu walau seketika  
namun hampa.

Kulihat anak-anak kecil itu berlari  
berpimpin tangan walau saling kekurangan  
15 meredah belukar yang dibentang kepalsuan  
walau kiri dan kanan ada nadi kehidupan  
bertali arus memakai topeng kemanusiaan  
hanya memandang sepi anak-anak kecil  
yang kelaparan

- 20 kehausan.

Kulihat ada anak yang tersebamb  
terkorban walau belum menamatkan larian  
tangan dan topeng kemanusiaan  
hanya senyum sendirian

- 25 membiarkan anak-anak kecil  
menjadi kering kontang  
walau di tangan terdapat baja kehidupan.

Aku terus terpaku

merelakan mereka bertindak kejam

- 30 membuang segala rasa kemanusiaan  
hanya kerana mengejar takhta kehidupan  
hingga lupa  
pada insan yang bergelar anak-anak kecil.

Rosli Mohd. Nordin, *Dewan Budaya* (2010)

- 
- (a) Apakah sikap pengarang tentang layanan terhadap kanak-kanak?
  - (b) Sejauhmanakah imejan yang ditampilkan mengukuhkan mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang?